



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MULTAQA MURABBI UMMAH (MMU)  
PERINGKAT NEGERI MELAKA  
TAHUN 2022M 1443H**

**TARIKH: 15 FEBRUARI 2022 (SELASA) I 10.15 PAGI  
DI AUDITORIUM MASJID AL-AZIM, BUKIT PALAH, MELAKA**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Terima kasih saudara pengacara majlis;

**(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)**

**Mencari Timba Si Anak Dara,  
Di Bawah Sarang Burung Tempua,  
Salam Multaqa Murabbi Ummah Pembuka Bicara,  
Selamat Datang Untuk Semua.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan rahmat Allah yang maha kuasa kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Majlis Multaqa Murabbi Ummah (MMU) Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada keseluruhan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka terutama Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka bersama Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM di bawah kepimpinan YB Senator Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad atas penganjuran majlis Multaqa Murabbi Ummah (MMU) pada pagi ini.

3. Perjumpaan ini amat bermakna kepada saya, kerana dapat menghimpunkan para Pegawai Syarak, Guru Takmir, Guru Sekolah Rendah Agama JAIM dan Guru Kafa yang sentiasa bergandingan bersama-sama antara ulama dan umara' terutama dalam mendepani cabaran pengurusan hal ehwal Islam di Negeri Melaka. Ini merupakan salah satu nikmat yang Allah SWT kurniakan apabila Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mempunyai aspirasi dan matlamat yang sama di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia.
  
4. Alhamdulillah semenjak merdeka 64 tahun, perlembagaan negara kita telah menjamin bahawa Islam adalah agama persekutuan. Pada saat ini, kita dapat mengecapi kehidupan yang aman dan damai serta boleh mengamalkan aktiviti keagamaan tanpa rasa gusar dan sebagainya. Inilah kerajaan yang ada pada hari ini, yang sentiasa menjaga 5 Maqasid

Syariyyah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta agar kehidupan seluruh rakyatnya tidak kira Islam atau bukan Islam dapat menjalani kehidupan dengan sempurna dan ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini, sama ada dari segi pendidikan, kesihatan, keselamatan, politik, sosio ekonomi dan sebagainya selaras dengan matlamat Kerajaan dalam membentuk "*Keluarga Malaysia*".

5. Pada tahun 2020, negara dan negeri kita telah dikejutkan dengan jangkitan wabak COVID-19. Wabak ini telah menyebabkan berlakunya kekangan dalam pergerakan masyarakat negara kita termasuk aktiviti di masjid dan sekolah agama negeri. Banyak pengorbanan yang kita laksanakan dalam menghadapi pandemik ini. Pegawai Syarak terutamanya, apabila semua orang bekerja dari rumah, Pegawai Syarak Masjid Negeri tetap setia bertugas mengimarahkan masjid.

6. Guru-guru agama kita juga kekal bertugas dengan mengadakan kelas secara dalam talian (*online*) demi pendidikan anak-anak. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka saya amat terharu dan berterima kasih kepada semua kalian semua kerana dapat melaksanakan tanggungjawab yang berdedikasi kepada anak bangsa dan agama. Sesungguhnya kedudukan tuan-tuan dan puan-puan sebagai Pegawai Masjid, Guru Takmir, Guru SRA JAIM dan Guru KAFA di mata masyarakat adalah amat mulia dan disanjung tinggi dalam membangunkan dan mentarbiah masyarakat ke arah khairah ummah. Saya amat mengharapkan setiap daripada kita dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang telah diamanahkan dengan lebih baik serta berhikmah.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

7. Dari aspek pendidikan agama, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **70 buah Tadika JAIM** dengan kekuatan **407** orang guru dan **187** buah Sekolah Rendah Agama JAIM atau dikenali dengan SRA JAIM dengan kekuatan **1,460** orang guru bagi menjamin pendidikan agama Islam dapat disampaikan kepada masyarakat Negeri Melaka. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah melaksanakan tanggungjawab yang semampu mungkin dalam memartabatkan Islam sebagai Agama Persekutuan. Pada tahun 2020 sehingga 2022, Kerajaan Negeri Melaka telah menyiapkan **7** projek Pendidikan Agama dengan kos keseluruhannya **RM19.9 juta** dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

8. Bagi institusi masjid pula, sehingga hari ini Negeri Melaka mempunyai sebanyak **213** buah masjid dan **858** buah surau. Masjid-masjid Negeri Melaka terdiri daripada **183** masjid kariah, **7** masjid Kerajaan yang berada di bawah pentadbiran JAIM seperti Masjid Al-Azim, Masjid Selat Melaka dan sebagainya, **5** masjid institusi dan **18** masjid lama bagi manfaat masyarakat Islam bermuamalat antara satu sama lain.
  
9. Masjid dan surau adalah paksi kepada Kesatuan Umat Islam yang digerakkan oleh Ahli Jawatankuasa Pentadbir dan juga Pegawai Syarak. Dari tahun 2020 sehingga 2022, Kerajaan Negeri Melaka telah menyiapkan **3** projek pembinaan masjid dengan peruntukan sebanyak **RM14.6 juta** dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan juga telah memberikan peruntukan untuk perlindungan caruman PERKESO kepada



semua Guru KAFA, Guru Takmir, Imam, Bilal dan Noja Negeri Melaka.

Hadirin Hadirat, Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

10. Bagi memaksimumkan pengimarahkan masjid dan surau, Kerajaan turut prihatin agar setiap masyarakat Islam mendalami ilmu agama secara tidak formal dan berterusan dengan mengujudkan kelas-kelas pengajian takmir di masjid dan surau terpilih di seluruh Negeri Melaka. Seramai **172** orang Guru Takmir telah dilantik bagi mengimarahkan **584** masjid dan surau Negeri Melaka dengan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah **RM2.53 juta**.

11. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana banyak membantu dalam pelaksanaan program kerohanian ini. Saya juga mengalu-alukan dasar baharu takmir peringkat Persekutuan yang mengembangkan sayap Program Takmir bukan hanya di masjid dan surau sahaja, tetapi pada tahun 2022, program takmir juga akan dilaksanakan di institusi-institusi kendalian Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Negeri Melaka serta Perkampungan Orang Asli. Saya mengharapkan Program Takmir ini dapat memperkasakan Program Halaqah yang telah dilaksanakan oleh MAIM dan JAIM di institusi-institusi tersebut.

12. Pada pandangan saya, Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah banyak membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam memperkasakan institusi agama. Justeru, bagi meneruskan kesinambungan nikmat yang kita kecapai pada waktu ini yang melimpah ruah dan masa akan datang, maka kita harus sehati sejiwa, seiring sekata, ini memberi sokongan dan dokongan yang tidak berbelah bagi agar lebih banyak lagi pembangunan prasarana dan *spiritual* dapat digembleng dengan lebih hebat pada masa akan datang.

Hadirin Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

13. Pada 4 Februari 2022 yang lepas, YB Menteri telah melancarkan Sambutan Bulan Solat Peringkat Kebangsaan, yang menyeru kepada umat Islam di negara ini agar menitikberatkan amalan solat terutamanya berjemaah di masjid. Solat berjemaah dan mengimarahkan masjid adalah satu aktiviti yang amat dekat di hati saya. Sehubungan dengan itu, dalam bulan yang baik ini, bulan Rejab, bulan berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj, bulan ibadat solat difardhukan ke atas umat Muslimin, saya juga menyahut seruan dari JAKIM dan akan melancarkan Sambutan Bulan Solat Peringkat Negeri Melaka. Walaupun masyarakat dan rakyat Negeri Melaka masih menghadapi pandemik, saya mengharapkan kita dapat mengimarahkan masjid dan surau dengan solat berjemaah dengan mengikut segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengelakkan jangkitan.

14. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri dan juga pihak JAKIM yang menyumbang kepada pembangunan agama Islam Negeri Melaka melalui saluran peruntukan bagi aktiviti pendidikan KAFA, imbuhan imam, perlindungan PERKESO bagi Pegawai Syarak dan juga peruntukan untuk aktiviti takmir berjumlah RM13.32 juta.

Hadirin Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di bawah kepimpinan yang mantap melalui **YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama** dan pengurusan JAKIM serta agensi-agensi agama di peringkat Negeri Melaka bersama-sama mengembleng usaha agar agama Islam menyinari seluruh

pelosok dan ceruk di dalam Negeri Melaka. marilah kita bersama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT, semoga majlis kita dilimpahi rahmat dan diberkati serta segala kerja kita mendapat reda Allah yang Maha Kuasa.

**“Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, jadikanlah perhimpunan kami pada pagi ini, perhimpunan yang mendapat rahmat-Mu dan perpisahan kami selepas ini perpisahan yang mendapat keampunan dan rahmat daripada Mu”**

16. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Multaqa Murabbi Ummah Peringkat Negeri Melaka Tahun 1443 Hijriyyah bersamaan Tahun 2022 Masihi.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih